

**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
SABTU 15 JUN 2019**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2. 3.	RAKYAT PERLU TOLAK POLITIK JOHOR, NASIONAL, SH -10 LEBIH 100 ORANG SERBU DUSUN, NEWS, SH (SELATAN) -36 AMANAH WELCOMES ALLOCATION FOR FARMERS, HOME, BORNEO POST (KK) -4	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI (MOA)
4. 5.	CABARAN BESAR AKTIVITI PERIKANAN, K2, KOSMO -26 HOPE FOR POLICIES THAT SECURES FISHERMEN'S INTERESTS, METRO EDITION A, SIN CHEW DAILY -2	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
6.	RUMAH TERBUKA PENYATUAN AGENSI KERAJAAN, NEGERI, SABAK BERNAM, SH -36	LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA)
7.	SBRPB TAMPUNG KEPERLUAN RAKYAT, NEWS, HM (SABAH AND SARAWAK) -3	LEMBAGA PERTUBUHAN PELADANG (LPP)
8. 9. 10. 11. 12. 13. 14.	DIPENJARA 15 BULAN ANIAYA 'JEBON', NEGARA, KOSMO -3 LELAKI JERUT JEBON DIJEL 15 BULAN, NASIONAL, SH -13 PEMBUNUH 'JEBON' DIPENJARA 15 BULAN, SETEMPAT, HM -24 BUNUH KUCING, DIPENJARA 15 BULAN, DALAM NEGERI, UM -9 PENJARA 15 BULAN KES JERUT KUCING SAMPAI MATI, MAHKAMAH, BH -16 MAN JAILED 15 MONTHS FOR HANGING CAT, NATION, STAR -16 DOG-BITE DEATH PROMPTS SOP PROBE, NATION, STAR -17	LAIN – LAIN

UKKMOA

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN & INDUSTRI ASAS TANI
(UNTUK EDARAN DALAMAN MOA, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
15/6/2019	SINAR HARIAN	NASIONAL	10

Rakyat perlu tolak politik kotor



Salahuddin menyampaikan duit raya kepada kanak-kanak yang hadir pada Majlis Sambutan Aidilfitri ADUN Simpang Jeram di Jalan Dato Haji Kosai, Muar semalam.

MUAR - Rakyat Malaysia diseru untuk bersama-sama menolak politik kotor yang menjadi agenda pihak tidak bertanggungjawab.

Timbalan Presiden Amanah, Datuk Salahuddin Ayub berkata, sudah sampai masanya fitnah yang dilemparkan dipandang serius dan mesyuarat secara bersama menolaknya kerana memberi kesan kepada maruah negara.

"Jangan kita ketawa dan merasa seronok. Jangan kita bergembira dengan fitnah kotor sebab ia boleh berlaku kepada semua. Kalau isu ini terjadi, bangsa akan punah dan menjadi sebuah bangsa yang tidak bertamadun.

"Saya ajak rakyat Malaysia tolak politik jijik dan kotor. Beri peluang kepada pihak berkuasa mengambil tindakan. Ia sangat memalukan bukan kepada kita sahaja tetapi

satu dunia akan ketawa dengan politik kotor ini," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita di Majlis Sambutan Aidilfitri ADUN Simpang Jeram di Jalan Dato Haji Kosai semalam.

Salahuddin yang juga ADUN Simpang Jeram berkata, beliau bersama seluruh kepimpinan tertinggi Amanah menolak fitnah sedemikian dan meminta Menteri Hal Ehwal Ekonomi, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali sekeluarga terus tabah menghadapi ujian itu.

"Kita perlu perjuangkan politik baru dan politik berilmu. Jadi contoh pada orang Islam dengan amalkan politik secara amanah.

"Saya yakin kebenaran akan ditunjukkan dan berharap polis ambil tindakan lanjut. Perkara ini langsung tak boleh diterima sama sekali," katanya.

Headline	Lebih 100 orang serbu dusun		
MediaTitle	Sinar Harian (Selatan)		
Date	15 Jun 2019	Color	Full Color
Section	News	Circulation	20,000
Page No	36	Readership	60,000
Language	Malay	ArticleSize	777 cm ²
Journalist	NOR AZURA MD AMIN	AdValue	RM 7,875
Frequency	Daily	PR Value	RM 23,625

Lebih 100 orang serbu dusun

Mahu rasai sendiri pengalaman makan durian ketika Syawal

NOR AZURA MD AMIN

PONTIAN

Tak sangka ramai yang datang nak merasa durian," kata pemilik Dusun Durian Landak Kampung Sawah, Pekan Nanas apabila dusunnya itu diserbu orang ramai pada hari raya pertama.

Abd Hadi Ahmad Sari, 42, berkata, buah durian yang gugur seminggu sebelum Aidilfitri memberi peluang kepada orang ramai merasai pengalaman makan durian di dalam dusunnya itu.

"Lebih 100 orang datang pada hari raya pertama. Ada penduduk tempatan dan orang luar yang balik ke kampung antaranya dari Kuala Lumpur.

"Mereka semua cukup sporting datang ke dusun pakai baju raya. Asalkan dapat makan durian di dusun, baju raya kotor pun tak kisah kata mereka," katanya.

Tambahnya lagi, gambar pada hari raya pertama di Dusun Durian Landak kemudiannya tular di media sosial menyebabkan dia tidak menyangka menerima permintaan orang ramai yang mahu



Antara pengunjung yang datang ke dusun berkenaan pada hari raya pertama.

makan durian di dusun pada hari raya kedua dan ketiga.

"Seminggu Syawal tempahan sudah penuh. Penangan tular di media sosial. Makin ramai yang beritahu teringin nak rasai pengalaman makan durian di dusun ketika Syawal.

"Ada juga yang hubungi saya dan beritahu mereka mahu bawa durian untuk dijadikan buah tangan ketika menziarahi sanak saudara di kampung," katanya.

Terletak di kaki Gunung Pulai, lokasi dusun seluas 22.5 hektar itu sangat strategik kerana pokok durian tumbuh subur dan menghasilkan buah yang sangat berkualiti.

Abd Hadi memberitahu, dusunnya itu mampu menerima se-

ramai 150 pengunjung dalam sehari dengan anggaran 500kg durian untuk dimakan dan dibawa pulang.

Menurutnya, tiada bayaran masuk dikenakan. Bagaimanapun orang ramai yang hendak menikmati durian boleh membeli durian dijual bermula dengan harga RM5 sekilogram.

"Syukur rezeki pada bulan Syawal memang tidak sangka, mulanya cuma hendak ajak saudara mara ke dusun pada hari raya pertama tetapi tidak sangka sambutan diberikan luar biasa," katanya.

Durian berbuah sekali tahun ini

Amat mahir dengan sifat dan jenis-jenis durian, Abd Hadi memberitahu musim durian sejak beberapa tahun lepas tidak menentu disebabkan faktor cuaca.

Malah pada kali ini hanya durian kampung sahaja yang gugur.

Katanya, durian di dusunnya berbuah sekali pada tahun ini bermula pada bulan Jun dan dijangka berakhir pada bulan Ogos nanti.

"Tahun lepas, dua kali berbuah, tahun ini nampaknya cuma sekali sahaja berbuah. Hanya durian kampung sahaja yang gugur,

durian musang king, IOI dan jenis-jenis yang lain masih belum gugur.

"Berdasarkan pengalaman saya, cuaca panas dan hujan tidak menentu menjadi faktor buah tidak menjadi pada tahun ini," katanya.

Abd Hadi berhasrat untuk membuat kendurian rakyat seperti tahun lepas yang dibuat pada penghujung Syawal di mana dihidangi oleh Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Salahuddin Ayub.

"Kendurian Rakyat pada tahun lepas mencecah ratusan ribu pengunjung yang hadir.

"Pada tahun ini, saya merancang untuk menjalin kerjasama dengan Kementerian Industri Asas Tani," katanya.

Landak jadi tarikan

Bercerita lebih lanjut mengenai asal usul Dusun Durian Landak, Abd Hadi berkata, ia bermula pada dua tahun lalu setelah seekor landak masuk ke dalam kawasan dusunnya.

"Seekor landak masuk ke dalam kawasan dusun. Landak itu mudah didekati. Malangnya tidak lama selepas itu, landak meninggalkan diri.

APA KATA PENGUNJUNG



Saya datang dari Johor Bahru untuk rasai sendiri pengalaman berada dusun. Berada dekat dengan alam semulajadi memberi pengalaman baharu selain dapat rasa durian yang segar."
- Khanafi Mohamad, 36.

"Menurut cerita orang lama di sini, haiwan seperti rusa, kancil dan landak kerap dilihat di kawasan dusun dan kebun di Kampung Air Putih ini kerana ia terletak di kaki Gunung Pulai," katanya.

Jelasnya, kehadiran landak itu memberi idea untuknya mengentengahkan nama Dusun Durian Landak.

"Dusun Durian Landak cukup unik sebab ia gabungan nama durian dan landak. Jadi senang orang nak ingat.

"Pada masa sekarang ini saya turut membolehkan orang ramai melihat haiwan berkenaan lebih dekat," katanya.



Abd Hadi (diri) membersihkan durian yang gugur bersama pengunjung.

Headline	Amanah welcomes allocation for farmers		
MediaTitle	Borneo Post (KK)		
Date	15 Jun 2019	Color	Black/white
Section	Home	Circulation	18,290
Page No	4	Readership	54,870
Language	English	ArticleSize	141 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 393
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 1,179



Amanah welcomes allocation for farmers

KOTA KINABALU: Parti Amanah Negara (Amanah) Sabah welcomes the announcement made by Agriculture and Agro-based Industry Minister Datuk Salahuddin Ayub on the fertilisers and pesticides scheme.

Its chairman, Haris Alimudin said it showed that the government was concerned about the need of farmers in Sabah and Sarawak.

On Thursday, Salahuddin announced that a total of 56,446 Sabah and Sarawak hill padi farmers would benefit from the RM44 million allocation under the Hill/Huma Padi Fertilisers and Pesticides (SBRPB) Scheme.

"This scheme is important to ensure paddy productions could increase and accommodate the consumers especially in the interiors.

"Although the allocation is less compared to the previous year, I believe if it is channelled without "leakage" it will fulfill the need of our farmers who are expected to start planting in August," he said



Haris

Haris also said that the government should give National Farmers Organization (NAFAS) the responsibility as suppliers for the scheme as the profit would also benefit its members.

The SBRPB scheme, which was introduced in 2015, is a government initiative to support growth and development of padi cultivation in Sabah and Sarawak.

CENDEKIAWAN

CUACA ekstrem seperti ribut kencang dan ombak besar mempengaruhi produktiviti nelayan.
- Gambar hiasan



PENINGKATAN suhu laut memberi kesan terhadap kualiti dan kuantiti hasil laut. - Gambar hiasan



MEMILIKI kemahiran alternatif dapat mengurangkan ketergantungan terhadap aktiviti perikanan sebagai sumber pendapatan utama. - Gambar hiasan

Cabaran besar aktiviti perikanan



Oleh DR. HAYROL AZRIL
MOHAMED SHAFFRIL
hayrol82@gmail.com

PERUBAHAN cuaca bukanlah satu isu baharu di Malaysia. Laporan Panel Antara Kerajaan tentang Perubahan Iklim (IPCC) yang diterbitkan pada tahun 2007 menjangkakan peningkatan suhu dan paras air laut serta kekerapan cuaca ekstrem akan bertambah buruk dalam tempoh 50 tahun di negara ini.

Situasi itu akan memberikan cabaran besar kepada kumpulan yang mempunyai ketergantungan tinggi kepada kestabilan cuaca seperti nelayan.

Menurut statistik terkini Jabatan Perikanan Malaysia di laman web rasmi mereka, jumlah terkini nelayan tempatan yang bekerja di atas vesel penangkapan ikan yang berlesen adalah 94,568 orang dan kumpulan ini memainkan peranan penting dalam memastikan keberterusan bekalan sumber makanan kepada masyarakat.

Menurut Jabatan Meteorologi, cuaca di Malaysia dicirikan oleh dua rejim monsun iaitu Monsun Barat Daya yang bermula dari akhir bulan Mei hingga September dan Monsun Timur Laut dari bulan November hingga Mac.

Monsun Timur Laut membawa hujan lebat terutamanya kepada negeri-negeri di Pantai Timur Semenanjung Malaysia dan barat Sarawak, manakala Monsun

Barat Daya secara relatifnya menunjukkan cuaca yang lebih kering. Tempoh peralihan di antara dua monsun ini dikenali sebagai musim perantaraan monsun.

Perubahan cuaca dijangka memberikan kesan langsung dan tidak langsung kepada aktiviti perikanan nelayan. Secara saintifiknya, peningkatan suhu akan memberikan impak kepada kualiti dan kuantiti tangkapan nelayan.

Cuaca ekstrem seperti ribut kencang dan ombak besar pula akan menghalang nelayan ke laut di samping mengurangkan jumlah hari bekerja, meningkatkan risiko kehilangan nyawa, mendatangkan kecederaan serta menyebabkan kerosakan kepada vesel, alatan tangkapan dan kemudahan awam seperti jeti nelayan.

Pengukuhan adaptasi

Oleh kerana perubahan cuaca boleh menjejaskan rutin harian nelayan, maka pengukuhan adaptasi mereka terhadap impak perubahan cuaca adalah satu langkah yang efektif.

Adaptasi terhadap perubahan cuaca seperti yang dinyatakan di dalam Dasar Perubahan Iklim Negara yang diluluskan pada tahun 2009 merujuk kepada tindakan yang diambil bagi membantu komuniti dan ekosistem untuk mengatasi kesan perubahan cuaca yang sedang dan dijangka akan berlaku.

Dalam konteks nelayan, dapatan terkini penulis mendapati, antara strategi adaptasi yang berkesan adalah dengan mengurangkan

kebergantungan kepada aktiviti perikanan sebagai sumber pendapatan.

Ini boleh dilakukan dengan memberikan kemahiran alternatif bukan hanya kepada nelayan, bahkan kepada isi rumah lain yang berminat membantu menambah pendapatan keluarga.

Sementara itu, perkongsian ilmu serta menambah baik sistem amaran awal memberikan peluang kepada nelayan untuk bertindak secara proaktif terhadap impak perubahan cuaca.

Tidak dinafikan, kemudahan teknologi seperti telefon pintar banyak membantu dalam usaha ini, namun begitu, aktiviti sosial seperti berkumpul di wakaf dan kedai kopi juga dapat mempercepatkan usaha perkongsian informasi dan dapat memberikan amaran awal kesan perubahan cuaca.

Penggunaan teknologi perikanan seperti sonar, *echo sounder* atau pemeru gema dan Sistem Kedudukan Sejagat (GPS) dapat membantu nelayan meningkatkan pendapatan dan mengurangkan risiko yang dikaitkan dengan impak perubahan cuaca.

Bagaimanapun, harus diakui, untuk mengukuhkan adaptasi nelayan terhadap perubahan cuaca merupakan satu cabaran besar. Dapatan terkini penulis mendapati bahawa untuk menggalakkan nelayan menceburi bidang pekerjaan alternatif bukan perkara mudah.

Oleh sebab ada sebahagian mereka sudah lama melibatkan diri, nelayan seakan sudah terikat dengan aktiviti perikanan,

manakala faktor peningkatan umur dan tahap pendidikan juga menyebabkan mereka kurang berminat untuk menceburi bidang alternatif.

Perkongsian ilmu

Dalam konteks perkongsian ilmu berkaitan perubahan cuaca pula, tidak banyak pihak yang menunjukkan minat mereka, manakala faktor harga menyebabkan tidak semua nelayan mempunyai akses kepada kemudahan teknologi perikanan.

Justeru, bagi mengatasi masalah ini, pihak yang berkaitan harus memainkan peranan penting. Dalam usaha untuk meningkatkan penerimaan nelayan terhadap sdi atau kemahiran alternatif, kajian analisis keperluan yang teliti harus dilakukan agar mereka dapat mengenal pasti kemahiran yang selari dengan minat, keperluan dan kemampuan nelayan.

Dalam konteks perkongsian informasi, sudah tiba masanya kumpulan penyelidik dari universiti duduk dan berkongsi dapatan penyelidikan mereka berkaitan perubahan cuaca bersama kumpulan nelayan.

Selain itu, usaha untuk memberi peluang lebih banyak nelayan memiliki dan mempelajari teknologi perikanan boleh direalisasikan dengan pemberian subsidi dan pengurangan kursus teknologi yang berkala.

♦ PENULIS ialah Pegawai Penyelidik Sosial, Institut Pengajian Sains Sosial, Universiti Putra Malaysia.

Headline	Hope for policies that secures fishermen`s interests		
MediaTitle	Sin Chew Daily		
Date	15 Jun 2019	Color	Full Color
Section	Metro Edition A	Circulation	288,920
Page No	2	Readership	866,760
Language	Chinese	ArticleSize	416 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 12,530
Frequency	Daily	PR Value	RM 37,590



盼 雪農漁業局呈備忘錄 擬策保障漁民利益

報導：鍾可婷 攝影：蔡偉傳

【檳城14日訊】雪州農漁業局代表呈交备忘录给农业及农基工业部及大马渔业发展局，反映B牌及C牌渔民所对的困境，并希望有关单位给予关注及拟定解决方案，以保障渔民利益。

保障渔民利益

来自行动党的雪州农渔业局主席兼双溪比力区国会议员刘天球昨日协同数名理事，前往大马渔业发展局大厦呈交备忘录给部长沙菲婳。

林健金 憂取消B牌漁船影響經濟

行动党雪州农渔业局理事林健金表示，政府计划在2020年取消B牌渔民执照，他认为该决定将会带来后遗症，而且，当局要B牌渔民何去何从。

“雪州共有473艘B牌渔船及157艘C牌渔船，其中B牌渔船占75%。另外，相关B牌的渔船中，其中90%或64%渔船是用于捕捞用作饲料及鲜食用途的

船只，我担心一旦取消B牌渔船后，将严重影响经济。”

建议改为季节性捕鱼

林健金建议渔局勿收回B牌执照，改为季节性开放捕鱼及设立大型人造珊瑚，阻止拥有其他执照的渔民从事非法捕鱼。

“B牌渔民一般的作业程序为当天往返捕鱼，一旦取消B牌

执照后，渔民必须前往更远的区域捕鱼或在船上过夜，但问题是船只的泊位不足应付。”

另外，他虽认为，政府制定要B牌船主来自出海的条例已采用约34年，目前已不合时宜，但B牌船主也相当无助，因有卫星导航系统的协助。

“有鉴于此，我要求政府申请渔船主从旁协助，或让船主将其传承给下一代。”



超为林健金、谢美成、刘天球、谢子晋及谢俊廷。渔民所对的困境，呈交备忘录给大马渔业发展局，并希望有关单位的雪州农渔业局代表林健金、谢美成、刘天球、谢子晋及谢俊廷。

盼政府漂白非法外勞

林健金说，B牌船主若申请到名手续时，设有附加条件，即他们无法维持在B牌海域捕鱼，必须到B牌海域，即超过45海里以外的海域捕鱼；如果渔民真的到45海里以外的海域捕鱼，或会发生渔船意外，严重影响渔民的安全。

“我非常可以接受刻名的手续费，但我们认为政府应取消该附加条件，以保障渔民安全。”
同时，他也希望政府能进行漂白非法外劳计划，让他们能通过大马渔业局的支持下，为非法外劳申请签证，以让他们能在更短的时间内获得签证。

劉天球

盼政府以民為本

刘天球希望大马政府能以民为本，尽快解决这个多年来无法解决的问题。出席新闻发布会者包括雪州农渔业局理事谢美成、谢美成及雪州渔业公会管理主席谢俊廷。

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
15/6/2019	SINAR HARIAN	SABAK BERNAM	36

Rumah terbuka penyatuan agensi kerajaan, negeri



Orang ramai mendapatkan juadah makanan dan minuman di gerai yang disediakan pada Majlis Rumah Terbuka Aidilfitri Agensi Kerajaan dan Pejabat Orang Besar Daerah Sabak Bernam.

SABAK BERNAM - Kira-kira 3, 000 pengunjung hadir memeriahkan Majlis Rumah Terbuka Aidilfitri Agensi Kerajaan dan Pejabat Orang Besar Daerah Sabak Bernam di sini kelmarin.

Pegawai Daerah Sabak Bernam, Nasir Mamat berkata, program tahunan majlis rumah terbuka itu melibatkan kira-kira 30 agensi kerajaan di daerah ini.

Menurutnya, majlis itu memperlihatkan kesungguhan agensi kerajaan dalam membuat persiapan selain menjadi wadah penyatuan antara agensi kerajaan dan rakyat.

"Konsep permuafakat-

Konsep permuafakatan yang ditekankan dalam penganjuran majlis rumah terbuka ini menunjukkan hasil yang membanggakan." - Nasir

an yang ditekankan dalam penganjuran majlis rumah terbuka ini menunjukkan hasil yang membanggakan.

"Ini terbukti ada di antara gerai yang menyediakan juadah makanan dan minimum kepada pengunjung dijayakan melalui kolaborasi dan gabungan beberapa jabatan dan agensi," katanya.

Hadir sama pada majlis itu Orang Besar Daerah Sabak Bernam, Datuk Ba-

harin Mat Akhir dan beberapa pemimpin tempatan antaranya Ahli Parlimen Sungai Besar, Muslimin Yahaya, ADUN Sabak, Ahmad Mustain Othman serta ADUN Sekinchan, Ng Suee Lim.

Nasir berkata, pelbagai jenis juadah tradisional dan moden disediakan pada majlis itu.

"Jualah disediakan antaranya lemang, rendang, punten, wadai kuping, ubi

rebus, ayam golek sate dan kambing bakar.

"Pada program rumah terbuka ini juga, kita turut meraikan dan menyampaikan duit raya kepada kira-kira 200 orang anak yatim," katanya.

Menurut Nasir, sebagai insentif kepada jabatan dan agensi terlibat, beberapa anugerah dipertandingkan.

"Dalam pertandingan gerai tercantik dimenangi Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) Sabak Bernam manakala gerai FAMA menjuarai kumpul sampah terberat," katanya.

Headline	SBRPB tampung keperluan rakyat		
MediaTitle	Harian Metro (Sabah and Sarawak)		
Date	15 Jun 2019	Color	Full Color
Section	News	Circulation	3,028
Page No	3	Readership	9,084
Language	Malay	ArticleSize	143 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 3,381
Frequency	Daily	PR Value	RM 10,142



Sandakan

SBRPB tampung keperluan rakyat

Langkah kerajaan mengembalikan Skim Subsidi Baja dan Racun Padi Bukit/ Huma (SBRPB) bukan saja memanfaatkan pesawah padi bukit di Sabah dan Sarawak, tetapi mampu menampung keperluan penduduk di pedalaman negeri itu.

Ahli Lembaga Pengarah Lembaga Pertubuhan Peladang, Haris Alimudin berkata, skim berkenaan memastikan jumlah pengeluaran padi per hektar dapat ditingkatkan.

Menurutnya, skim itu dapat memenuhi keperluan pesawah padi bukit jika peruntukan disalurkan tanpa ketirisan, walaupun jumlah diumumkan kurang berbanding sebelumnya.

“Pengumuman ini memperlihatkan kerajaan prihatin terhadap pesawah padi bukit di negeri ini.

“Kita harap kerajaan beri kepercayaan kepada Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAFAS) untuk menjadi pembekal bahan di bawah skim ini.

“Ia memastikan hasil keuntungan dinikmati peladang secara keseluruhannya,” katanya.



HARIS

Kelmarin, kerajaan meluluskan peruntukan RM44 juta untuk SBRPB yang akan memanfaatkan 56,446 pesawah padi bukit membabitkan 11,684 pesawah di Sabah, manakala 44,762 di Sarawak bagi musim penanaman bermula Ogos ini.

Ia diumumkan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani Datuk Salahuddin Ayub.

SBRPB diperkenalkan sejak 2015 dan melalui inisiatif itu, pengeluaran padi bukit ditingkatkan daripada satu metrik tan sehektar kepada 1.5 metrik tan hingga 2.5 metrik tan sehektar.

Peniaga gerai mengaku salah jerut, gantung kucing hingga mati

Dipenjara 15 bulan aniaya 'Jebon'

Oleh NUZULSHAM SHAMSUDDIN

KUALA LUMPUR - Perbuatan tidak berperike-manusiaan seorang lelaki menjerut dan menggantung ekor kucing jantan sehingga mati pada minggu lalu berbalas apabila dia dijatuhi hukuman penjara 15 bulan oleh Mahkamah Sesyen di sini semalam.

Hakim Rohatul Akmar Abdul-lah menjatuhkan hukuman itu terhadap Al Azri Norisham, 28, atas pertuduhan mengaku salah kan ke atasnya.

Mahkamah turut memerintah hukuman penjara itu berjalan bermula semalam.

Al Azri yang bekerja sebagai peniaga gerai didakwa menyebabkan kesakitan atau penderitaan yang tidak sepatutnya ke atas seekor kucing jantan di tangga pangsaputi Blok A8, Ja-

Polis buru lelaki jerut, gantung kucing sampai mati di tangga

MALAYSIA - Seorang lelaki yang digantung kucing jantannya sehingga mati di tangga rumahnya, telah ditangkap oleh polis di Kuala Lumpur. Polis sedang mencari lelaki itu untuk diinterogasi. Lelaki itu digantung kucing jantannya sehingga mati di tangga rumahnya. Polis sedang mencari lelaki itu untuk diinterogasi. Lelaki itu digantung kucing jantannya sehingga mati di tangga rumahnya. Polis sedang mencari lelaki itu untuk diinterogasi.

KERATAN Kosmo: 12 Jun 2019.

lan 4/27A Seksyen 2, Wangsa Maju di sini pada pukul 1.30 petang, 10 Jun lalu.

Pendakwaan dijalankan mengikut Seksyen 29(1) e Akta Kebajikan Haiwan 2015 (akta 772) dan boleh dihukum di bawah Seksyen 29(1) akta sama yang membawa hukuman denda maksimum RM100,000 atau penjara sehingga tiga tahun atau kedua-duanya.

Terdahulu, tertuduh yang tidak diwakili peguam memohon hukuman ringan dengan alasan dia bertindak dermakan kerana



TERTUDUH (tengah) dibawa anggota polis selepas dijatuhi hukuman penjara 15 bulan kerana menjerut kucing sampai mati di Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur semalam.

haiwan itu menggigit dan menakar tangan saya sehingga ber-cakarnya.

"Saya tangkap dan jerut ku-

ling itu kerana ia gigit dan car tangan saya sehingga ber-lubang," katanya.

Timbalan Pendakwa Raya Siti Hajar Mohd. Ashif mencadangkan mahkamah mengenakan yang hukuman yang berat dengan alasan perbuatan tertuduh melampaui batas dan kejam.

Mengikut fakta kes, kucing jantan bernama 'Jebon' milik seorang lelaki ditemui mati terjerut di hadapan rumah jiran.

Rakaman kamera litar tertutup menunjukkan tertuduh menjerut leher haiwan itu menggunakan tali rafia sebelum menggantungnya di tangga hadapan rumah jiran hingga mati.

Kosmo: 12 Jun lalu melaporkan seekor kucing ditemui mati akibat terjatuh di sebuah pangsaputi di Wangsa Maju.

Susulan kejadian itu, polis menahan seorang lelaki di Seksyen 2, Wangsa Maju.

Suspek memiliki dua rekod jenayah kes dadah.

Lelaki jerut Jebon dijel 15 bulan

*Al-Azrin
mengaku
bersalah jerut
kucing guna
tali rafia*

SITI AZIELAH WAHI

KUALA LUMPUR

Perbuatan kejam seorang pekerja gerai yang tergamak menjerut seekor kucing jantan sehingga mati dalam satu kejadian di sebuah pangsa-puri di Wangsa Maju di sini baru-baru ini terbalas apabila dia dipenjarakan 15 bulan oleh Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur semalam.

Hakim Rohatul Akmar Abdullah menjatuhkan hukuman itu ke atas Al-Azrin Norhisham, 28, selepas dia mengaku bersalah menjerut kucing jantan bernama Jebon menggunakan tali rafia sebelum mengganggunya di hadapan sebuah rumah.

Lelaki itu diperintah menjalani hukuman penjara bermula dari tarikh jatuh hukum semalam.

Mengikut pertuduhan, Al-Azrin didakwa telah meneruskan niat secara tidak munasabah menyebabkan kesakitan atau penderitaan yang tidak sepatutnya kepada seekor kucing jantan di tangga Blok A3, Jalan 4/27a Seksyen 2 Wangsa Maju pada 10 Jun 2019 jam 1.30

petang.

Dakwa bagi kesalahan itu dikemukakan mengikut Seksyen 29(1) (e) Akta Kebajikan Haiwan 2015 (Akta 772) dan boleh dihukum di bawah Seksyen 29(1) akta sama yang membawa hukuman denda minimum RM20,000 dan maksimum RM100,000 atau penjara atau keduanya jika sabit kesalahan.

Pendakwa yang dikendalikan Tumbalan Pendakwa Raya Siti Hajjar Mohd Ashif memohon mahkamah memberikan hukuman berbentuk pengajaran kepada tertuduh sebagai balasan atas perbuatannya menzalimi binatang.

"Tertuduh sebagai manusia yang mempunyai

akal fikiran yang waras tidak sewajarnya menzalimi dan menganiaya benda hidup," katanya.

Berdasarkan fakta kes, kucing jantan milik seorang lelaki telah ditemui mati terjerut di hadapan rumah seorang jiran.

Hasil rakaman kamera litar tertutup (CCTV) mendapati tertuduh menjerut leher kucing itu menggunakan tali rafia sebelum menggantungnya di tangga hadapan rumah jiran hingga mati dan kemudian beredar.

Sementara itu dalam rayuannya, Al-Azrin menjelaskan, kucing tersebut telah mencakar dan menggigit tangannya hingga berlubang menyebabkan dia bertindak demikian.



Al-Azrin dikenakan hukuman penjara 15 bulan oleh Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur selepas mengaku menjerut seekor kucing hingga mati.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
15/6/2019	HARIAN METRO	SETEMPAT	24

Pembunuh 'Jebon' dipenjara 15 bulan

Kuala Lumpur: Tindakan kejam seorang lelaki menjerut kucing jantan bernama Jebon hingga mati, lima hari lalu akhirnya mendapat pembalasan apabila dia dihukum penjara 15 bulan oleh Mahkamah Sesyen di sini, semalam.

Hakim Rohatul Akmar Abdullah menjatuhkan hukuman itu terhadap pekerja gerai makan, Al Azri Nor-hisham, 28, selepas tertuduh mengaku salah sebaik tuduhan terhadapnya dibacakan jurubahasa mahkamah.

Mahkamah memerintahkan hukuman penjara itu berkuat kuasa dari tarikh jatuh hukum.

Mengikut pertuduhan, lelaki itu didakwa secara tidak munasabah menyebabkan kesakitan atau penderitaan tidak sepatutnya kepada kucing jantan di tangga Blok A3, Jalan 4/27A, Seksyen 2, Wangsa Maju di sini, jam 1.30 tengah hari pada 10 Jun lalu.

Tertuduh didakwa mengikut Seksyen 29(1)(e), Akta Kebajikan Haiwan 2015 (Ak-

ta 772) dan boleh dihukum mengikut Akta 29(1) yang memperuntukkan denda minimum RM20,000 dan maksimum RM100,000 atau penjara maksimum tiga tahun atau kedua-dua sekali jika sabit kesalahan.

Pendakwaan dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya, Siti Hajar Mohd Ashif manakala tertuduh tidak diwakili peguam.

Terdahulu, tertuduh merayu kepada mahkamah memberikan hukuman ringan.

"Kucing itu cakar dan gigit tangan saya sampai berlubang. Saya mohon hukuman diringankan, lagi pun saya anak yatim piatu," katanya.

Siti Hajar bagaimanapun memohon mahkamah memberikan hukuman berbentuk pencegahan bagi memberi pengajaran kepada tertuduh kerana perbuatan dilakukannya melampaui batas.

"Kucing itu cakar dan gigit tangan saya sampai berlubang"
Al Azri



Al Azri mengaku bersalah di Mahkamah Sesyen, semalam.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
15/6/2019	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	9

Bunuh kucing, dipenjara 15 bulan

KUALA LUMPUR 14 Jun - Tindakan kejam dan tidak berhati perut pekerja gerai makan yang menjerut leher seekor kucing bernama Jebon sehingga mati membawa padah apabila dia dihukum penjara 15 bulan oleh Mahkamah Sesyen hari ini.

Hakim Rohatul Akmar Abdullah menjatuhkan hukuman tersebut terhadap Al Azrin Norhisham, 28, selepas tertuduh mengaku bersalah atas pertuduhan yang dikenakan terhadapnya. Mahkamah turut memerintahkan hukuman penjara tersebut bermula daripada tarikh tangkapan iaitu semalam.

Berdasarkan pertuduhan, tertuduh didakwa meneruskan niat tidak munasabah menyebabkan kesakitan atau penderitaan yang tidak sepatutnya terhadap seekor kucing jantan di tangga Blok A3, Jalan 4/27a, Seksyen 2, Wangsa Maju Setapak, di sini, pukul 1.30 tengah hari, pada 10 Jun lalu.

Pendakwaan dikemukakan Timbalan Pendakwa Raya, Siti Hajar Mohd. Ashif mengikut Seksyen 29(1)(e) Akta Kebajikan



AL AZRIN NORHISHAM dihukum penjara 15 bulan atas kesalahan menjerut seekor kucing hingga mati di Mahkamah Sesyen, Kuala Lumpur, semalam.

Haiwan 2015 (Akta 772) dan boleh dihukum di bawah Seksyen 29(1) akta sama yang membawa hukuman penjara maksimum tiga tahun atau denda atau kedua-duanya.

Ketika prosiding, Siti Hajar memohon satu hukuman berat dikenakan terhadap tertuduh atas kezaliman yang dilakukannya terhadap seekor haiwan peliharaan.

“Bahkan kepentingan awam juga perlu diambil kira memandangkan kejadian tersebut mengundang kemarahan orang ramai di media sosial,” katanya.

Bagaimanapun, Al Azrin yang tidak diwakili peguam bela merayu agar hukuman ringan dikenakan terhadapnya atas alasan kucing tersebut telah mencakar serta menggigit tangannya sehingga berlubang.

“Saya juga anak yatim piatu dan saya merayu kepada mahkamah agar hukuman diringankan,” jelasnya.

Berdasarkan fakta kes, Jebon yang merupakan seekor kucing jantan milik seorang individu telah ditemui mati dalam keadaan terjerut di hadapan rumah seorang jiran.

Hasil rakaman kamera litar tertutup (CCTV) mendapati tertuduh dengan kejam menjerut leher kucing itu menggunakan tali rafia sebelum menggantungnya di tangga hadapan rumah jiran itu dan beredar. Rakaman tersebut tular di media sosial pada 12 Jun lalu.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
15/6/2019	BERITA HARIAN	MAHKAMAH	16

Penjara 15 bulan kes jerut kucing sampai mati

Kuala Lumpur: Tindakan kejam seorang lelaki membunuh kucing dengan menjerut haiwan itu menerima balasan setimpal apabila dihukum penjara 15 bulan oleh Mahkamah Sesyen, di sini, semalam.

Hakim, Rohatul Akmar Abdul menjatuhkan hukuman itu terhadap Al Azrin Norhisham, 28, selepas tertuduh mengaku bersalah melakukan perbuatan itu.

Rohatul memerintahkan tertuduh yang juga pekerja gerai makan menjalani hukuman penjara itu bermula semalam.

Berdasarkan kertas pertuduhan, Al Azrin didakwa menyebabkan kesakitan atau penderitaan terhadap seekor kucing

jantan di tangga Blok A3, Jalan 4/27a, Seksyen 2, Wangsa Maju Setapak, di sini, jam 1.30 tengah hari, pada 10 Jun lalu.

Pendakwaan terhadapnya dibuat mengikut Seksyen 29(1)(e) Akta Kebajikan Haiwan 2015 (akta 772) dan sabit kesalahan boleh dipenjarakan maksimum tiga tahun atau denda atau kedua-duanya.

Terdahulu, tertuduh yang tidak diwakili peguam dalam rayuannya memohon dikenakan hukuman ringan dengan alasan dia dicakar kucing berkenaan.

"Kucing itu gigit tangan saya sehingga berlubang, jadi saya tangkap dan menggantungnya.

"Saya mohon hukuman diringankan kerana saya anak ya-

tim piatu," katanya.

Kesalahan jenayah

Bagaimanapun, Timbalan Pendakwa Raya, Siti Hajar Mohd Ashif, membantah rayuan itu dan memohon hukuman berbentuk pencegahan dikenakan terhadap tertuduh.

"Perbuatan itu kesalahan jenayah dan satu bentuk penzaliman terhadap benda hidup yang dalam kes ini membabitkan seekor kucing.

"Mahkamah juga perlu mengambil kira faktor kepentingan awam yang mendapat liputan meluas dalam media sosial bagi memberi pengajaran terhadap orang awam dan tertuduh," katanya.



Al Azrin Norhisham

Sebelum ini, media melaporkan seekor kucing jantan ditemui tergantung dengan tali pada tangga di blok pangsapuri berkenaan.

Bangkai haiwan malang itu ditemui jiran pemilik kucing terbabit kira-kira jam 2 petang Rabu lalu.

Man jailed 15 months for hanging cat

By HANIS ZAINAL
haniszainal@thestar.com.my

KUALA LUMPUR: A man, whose cruel act of hanging a cat was caught on CCTV, will spend more than a year in prison.

Al Azri Norhisham, 28, was sentenced to 15 months in jail starting yesterday by Sessions Court judge Rohatul Akmar Abdullah after he admitted to hanging and killing the cat.

He was charged with unreasonably causing pain or suffering on the male cat with intent.

Earlier, Al Azri, who was unrepentent, told the court that the cat had scratched and bitten him, causing wounds on his finger.

“This is a criminal act and an act of cruelty on a living creature.”

Siti Hajar Mohd Ashif

He asked for a light sentence, saying that he was an orphan and only worked at a hawker stall.

The offence was committed in Jalan 4/27A, Section 2, Wangsa Maju, at about 1.30pm on Monday.

The charge was under Section 29 1(e) of the Animal Welfare Act,

which carries a fine of between RM20,000 and RM100,000 or a prison sentence of up to three years, or both, upon conviction.

Deputy Public Prosecutor Siti Hajar Mohd Ashif asked the court to mete out a deterrent sentence because Al Azri had committed a cruel act on an animal.

She also informed the court that a video clip of the killing had gone viral on social media.

“This is a criminal act and an act of cruelty on a living creature. As the accused can use his intellect and act in a sane manner, he should know not to do that to a defenceless animal.”

“A deterrent sentence can also give awareness to both the accused

and society to avoid committing cruel acts to both animals and humans,” said Siti Hajar.

Al Azri was detained in Section 2, Wangsa Maju, around 1.30pm on Wednesday.

It was reported that the owner of the cat discovered his pet’s body around 1.30pm on Monday.

The owner initially thought that the cat – named Jebon – had been poisoned and buried it behind his house.

A neighbour then informed him that the cat had been hung on a rope and it was captured on CCTV.

Video footage showed the accused holding the cat before tying a rope around its neck and hanging it at the stairs of the apartment block.

Dog-bite death prompts SOP probe

KUCHING: The Health Ministry will look into the latest rabies fatality in Sarawak to see if there is any breach of the standard operating procedure (SOP) on dog bite cases.

The victim, a 61-year-old woman from Pending here, died while undergoing treatment at the Sarawak General Hospital on Wednesday.

She had sought treatment at a community clinic after being bitten by a dog on April 29 and was given another appointment for a week later.

However, she did not go for the follow-up treatment as she thought her wound had healed.

"The ministry will conduct an investigation to determine why the deceased patient was not referred to the dog bite clinic for treatment as per the SOP," said Deputy Health Minister Dr Lee Boon Chye.

He was responding to a statement by Deputy Chief Minister Datuk Amar Douglas Uggah, who called for a probe into the case to ensure the SOP was not breached.

According to Uggah, the SOP established by the ministry included immediately referring dog bite patients to the rabies clinic for treatment.

Dr Lee also said that all frontline doctors in Sarawak were reminded to adhere to the SOP for dog bites.